



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (11)
Tarikh : 26 Mac 2020

KENYATAAN MEDIA

KPKT ARAH PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN DAN PELANJUTAN TEMPOH MASA PENEBUSAN BARANG SANDARAN

PUTRAJAYA, 26 Mac 2020 – Melalui Talian Hotline KPKT yang mula beroperasi sejak 20 Mac 2020, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima banyak aduan daripada orang ramai berkaitan bayaran balik pinjaman dan penebusan barangan gadaian. Rata-rata dalam kalangan mereka menyatakan bahawa mereka menghadapi kesulitan untuk membayar balik ansuran bulanan pinjaman kepada Syarikat Kredit Komuniti akibat pendapatan mereka yang terjejas ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Justeru, atas rasa keprihatinan, semua Syarikat Kredit Komuniti yang berdaftar di bawah KPKT akan memberi penangguhan bayaran balik pinjaman sepanjang tempoh PKP tanpa mengenakan sebarang caj dan faedah. Pelaksanaan penangguhan oleh Persatuan Pemberi Pinjaman Wang akan berkuatkuasa secara serta-merta bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh para peminjam.

Semua Syarikat Pemegang Pajak Gadaai juga akan melanjutkan masa penebusan tanpa mengenakan keuntungan (caj faedah) terhadap setiap pemajak gadaai dalam tempoh PKP. Ia berikutan penutupan premis perniagaan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP dan pemajak gadaai pula dilarang untuk hadir ke premis perniagaan tersebut untuk melakukan sebarang transaksi pemajakgadaian.

Perkara ini adalah selaras dengan Seksyen 19 Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] yang mana semua pemegang lesen Pemegang Pajak Gadai adalah dilarang untuk menjadikan sandaran yang mencapai tarikh luput pemajakgadaan dalam tempoh PKP sebagai hartanya atau melupuskan sandaran tersebut mengikut apa-apa jua cara.

Dengan ini, saya bagi pihak KPKT mengucapkan syabas dan terima kasih atas keprihatinan semua pihak yang terlibat dalam menyokong sepenuhnya usaha ini. Orang awam boleh mendapatkan maklumat mengenai perkara ini dan juga perkhidmatan KPKT yang lain di talian hotline KPKT di 03-88913975. Sekian, terima kasih.

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*